


“Orang mukmin yang kuat lebih baik di sisi Allah dan lebih dikasihi daripada orang mukmin yang lemah. Sedangkan setiap orang itu mempunyai kebaikannya, (imannya). Oleh itu hendaklah engkau bersungguh-sungguh berusaha memperoleh apa yang memberi manfaat padamu, serta hendaklah meminta pertolongan kepada Allah dan janganlah engkau bersikap segan dan malas. Sekiranya engkau ditimpa sesuatu maka janganlah engkau berkata, “Kalaulah aku lakukan itu ini, tentulah akan terjadi begitu begini.” Tetapi katalah, “Allah telah takdirkan dan apa yang dikehendaki oleh kebijaksanaan-Nya Ia lakukan. Kerana perkataan kalau itu membuka jalan kepada hasutan syaitan.” (HR Muslim)



# TERBU di Bumi Sendiri

## KISAH 1

Seminggu meredah gelora laut, pelbagai detik hitam disaksikannya. Paling membekas melihat rakan senegarannya seorang demi seorang mati akibat disiksa tanpa belas. Lebih menyayat hati melihat mayat-mayat mereka dibuang ke dalam laut seperti sampah.

“Keadaan di dalam kapal terlalu padat. Kami seperti ikan sardin yang terpaksa berhimpit-himpit,” ujarinya.


Pelarian wanita diberi makan nasi berlaukkan tiga tangkai cili kering dan sedikit air. Manakala pelarian lelaki pula hanya akan diberi makan sehari sekali, atau langsung tidak diberi makanan.

“Keadaan kami ketika itu cukup menyedihkan. Jika ada yang bertanya mengenai makanan, mereka akan dipukul dengan pangkal senapan atau batang besi. Ramai yang mati dipukul, kelaparan atau sakit.

“Saya tidak menduga tragedi yang kami harungi dalam perjalanan untuk sampai ke sini. Saya lebih rela mati di rumah saya,” kata wanita berusia 27 tahun itu yang datang ke Malaysia bersama dengan tiga orang anaknya yang masih kecil berusia lima, tiga dan dua tahun.

## KISAH 2

Dalam kisah yang lain, seorang pelarian lelaki dari Syria kelihatan sedang menjual pen dari sebuah kereta ke sebuah kereta, semata-mata menagih simpati si pemandu. Di tangan kanannya pula mendukung erat anak kecil yang sedang tidur. Mahu atau tidak, terpaksa juga dia berusaha mencari sesuatu nasi, semata-mata meneruskan kehidupan, setelah melarikan diri dari negaranya akibat keganasan pemerintah.



Situasi yang sama turut berlaku kepada negara Palestin yang menjadi mangsa keganasan Israel berpuluh tahun lamanya. Bukan itu sahaja, bahkan juga melingkari sebahagian besar negara Islam yang lain di mana umat Islamnya merupakan minoriti. Mereka bukan sahaja ditindas dengan kejam, bahkan dinafikan hak kerakyatan dan tidak mendapat perlindungan yang sewajarnya daripada pemerintah.

Menurut anggaran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), seramai 6.5 juta pelarian Syria terbangun dari

negara sendiri. Sebahagian besarnya berjaya melepaskan diri mencari perlindungan di negara-negara jiran dan bertebaran di Turki, Mesir, Jordan, Iraq dan Lebanon. Malah ada juga yang menuju ke Eropah dan Asia. Nasib yang sama berlaku kepada etnik Rohingya di Myanmar, Etnik Uighur di China, di India dan banyak lagi negara yang menekan umat Islam hingga mereka tidak punya pilihan selain menjadi pelarian. Itulah realiti yang mewarnai dunia hari ini.

Di mana sahaja pelosok celahan dunia, kelihatan umat Islam seakan sudah menjadi umat kelas kedua. Mereka dipijak-pijak, dihina, dibunuh diperlekeh, disakiti dan dilihat sebagai umat yang sangat lemah. Seolah-olahnya ia tidak mampu berdiri sendiri, tetapi mengharapakan pula tongkat dari Barat.

Menutup tirai 2015, menjadi bukti bagaimana umat Islam sudah hilang kekuatannya, sehingga terbangun di bumi sendiri. Lautan luas menjadi destinasi terakhir bagi mereka sebagaimana yang terjadi kepada rakyat Syria dan Rohingya.

Di Malaysia, walau keadaannya dilihat sedikit berbeza, namun situasinya hampir serupa. Umat Islam masih dilihat lemah daripada pelbagai segi terutama dalam aspek ekonomi, pendidikan, jati diri dan kemajuan. Mereka tidak bersatu mencari titik persamaan waima yang terkait dengan Islam.

Sedangkan sebagai seorang yang memegang status Muslim,

**"SEPERTI IKAN DI AIR DAN BURUNG DI UDARA". DALAM KONTEKS INI, FITRAH SEMULA JADI IKAN ADALAH BERENANG DI DALAM AIR. TATKALA BERENANG, IA TIDAK PERLU MEMIKIRKANNYA PERLU ATAU TIDAK BERENANG.**

idealnya mesti memiliki sifat berani dan kuat sebagaimana umat terdahulu. Itulah ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seorang yang mengaku Islam. Kuat bukan sahaja dari sudut jasmani, malah mesti juga perlu kuat dari segi emosi dan rohani.

## Meraih cinta Allah

Dalam sebuah hadis, Baginda s.a.w. menyatakan, syarat untuk meraih kasih dan cinta Allah s.w.t. seorang Muslim itu mestilah mempunyai sikap yang kuat.

Hadis daripada Abu Hurairah r.a. ini berbunyi, orang mukmin yang kuat lebih baik di sisi Allah dan lebih dikasihinya daripada orang mukmin yang lemah. Sedangkan setiap orang itu mempunyai kebaikannya, (imannya). Oleh itu hendaklah engkau bersungguh-sungguh berusaha memperoleh apa yang memberi manfaat padamu, serta hendaklah meminta pertolongan kepada Allah dan janganlah engkau bersikap segan dan malas. Sekiranya engkau ditimpa sesuatu maka janganlah engkau berkata, "Kalaupun aku lakukan itu ini, tentulah akan terjadi begitu begini." Tetapi katakanlah, "Allah telah takdirkan dan apa yang dikehendaki oleh kebijaksanaan-Nya la lakukan. Kerana perkataan kalau itu membuka jalan kepada hasutan syaitan." (HR Muslim)

Imam an-Nawawi dalam kitab *Riyadus Solihin* memberi definisi terhadap hadis ini dengan maksud, Muslim yang kuat terletak pada imannya. Walau begitu, orang mukmin yang kuat dan orang mukmin yang lemah, masing-masing tetap mempunyai kebaikannya tersendiri. Akan tetapi seorang mukmin yang kuat adalah lebih baik dan dicintai Allah. Ini merupakan satu bentuk dorongan dan motivasi bagi umat Islam memperkuatkan imannya, agar dapat menarik kasih dan cinta Allah. **A**

